

**MAJLIS POLEMIK SEJARAH MALAYSIA
SESI KE-47**

**“TAMADUN AWAL NEGARA DARI PERSPEKTIF
SUMBER SARJANA CHINA”**

Tajuk:

**HUBUNGAN UFTI KERAJAAN-KERAJAAN
SEMENANJUNG TANAH MELAYU SEBELUM
KURUN KE-14 MASIHI:
SATU KRONOLOGI**

Oleh:

Dr. Nasha bin Rodziadi Khaw

28 September 2021 (Selasa)

Anjuran:

ARKIB NEGARA MALAYSIA

HUBUNGAN UFTI KERAJAAN-KERAJAAN SEMENANJUNG TANAH MELAYU SEBELUM KURUN KE-14 MASIHI: SATU KRONOLOGI

Oleh:

Dr. Nasha bin Rodziadi Khaw
Universiti Sains Malaysia

PENGENALAN

Semenanjung yang menganjur dari Segenting Kra di Utara ke Tanjung Piai di Selatan memisahkan Lautan Hindi di Barat dan Laut China Selatan di Timur. Semenanjung Tanah Melayu diapit oleh dua tamadun besar Asia, iaitu India dan China. Kawasan ini juga amat penting sebagai sebuah pusat persinggahan di tengah-tengah laluan perdagangan antara timur dan barat. Kedudukan yang sangat strategik ini membawa kepada kewujudan negara-negara kota yang tertabur di kawasan pesisir pantai dan lembangan sungai di sepanjang Segenting Kra dan Semenanjung Tanah Melayu. Keadaan muka bumi, lokasi geostrategik dan persekitaran masyarakat di Semenanjung Tanah Melayu mempengaruhi secara langsung bentuk pertumbuhan kerajaan-kerajaan awal di sana. Hal ini kerana, asas ekonomi di Semenanjung Tanah Melayu yang terlalu didasarkan kepada kegiatan sara diri adalah tidak mencukupi untuk menjadi asas kepada pembangunan sebuah unit politik. Oleh itu, evolusi organisasi sosial masyarakat di Semenanjung Tanah Melayu yang membawa kepada kewujudan anti politik sudah semestinya dimangkin oleh perkembangan ekonomi yang dicetuskan oleh faktor luaran. Berdasarkan kepada kekayaan bumi Semenanjung Tanah Melayu dengan pelbagai mineral dan hasil hutan, serta pertimbangan terhadap lokasinya yang diapit oleh Tamadun India dan China yang menjadi pasaran terhadap komoditi-komoditi tersebut, perdaganganlah merupakan faktor pencetus kepada pertumbuhan entiti politik di Tanah Melayu.

Selain India, salah sebuah kuasa yang memainkan peranan penting dalam perkembangan politik dan ekonomi kerajaan-kerajaan di Semenanjung Tanah Melayu merupakan China. Empayar China diketahui wujud sebagai kuasa politik dan

ekonomi yang paling besar di Dunia Timur pada zaman moden awal. Pedagang-pedagangnya yang sering datang ke perairan Asia Tenggara telah meningkatkan permintaan terhadap komoditi-komoditi yang dikeluarkan oleh kota-kota perdagangan yang wujud. Komoditi-komoditi tersebut termasuklah bahan wangian, rempah, gading gajah, sumbu badak, emas, pinang, madu lebah, damar dan rotan. Permintaan yang berterusan terhadap komoditi tempatan oleh Empayar China menyebabkan wujud satu bentuk kebergantungan oleh kota-kota tersebut kepada pasaran yang wujud di China. Oleh yang demikian, secara tidak langsung dasar perdagangan yang diamalkan oleh China akan menentukan bangun jatuh serta perkembangan kota-kota awal di pesisir laluan perdagangan. Oleh yang demikian, hubungan ufti yang dapat menjamin kepentingan perdagangan dan kedudukan politik kerajaan-kerajaan Melayu dan China telah diwujudkan.

Makalah ini akan membincangkan fasa-fasa perkembangan hubungan ufti antara Semenanjung Tanah Melayu dan China berdasarkan kepada rekod sejarah dan arkeologi.

KONSEP HUBUNGAN UFTI DAN SUMBERNYA

Hubungan ufti merupakan bentuk pengiktirafan serta perlindungan yang diberikan oleh sebuah kerajaan yang lebih besar dengan kerajaan yang lebih kecil (Nasha & Nazarudin 2008). Kerajaan-kerajaan yang lebih kecil itu pula perlu menghantar hadiah atau ufti secara berkala. Antara tujuan utama negara-negara kota Melayu menjalin hubungan ufti dengan China adalah untuk menjaga kepentingan politik mereka. Hal ini kerana hampir kesemua negara kota tersebut hanya wujud sebagai petempatan pesisir pantai dan sungai. Mereka tidak mempunyai sumber manusia dan kekuatan politik yang cukup untuk mempertahankan kedaulatan masing-masing, apatah lagi untuk wujud sebagai sebuah entiti politik yang bebas. Penerimaan ufti dari kerajaan-kerajaan tersebut pula boleh meningkatkan lagi kuasa moral China sebagai sebuah kuasa politik di rantau asia. Pada masa yang sama, kerajaan-kerajaan Melayu tersebut dapat menjamin keselamatan pedagang China serta mengekalkan monopoli perdagangan China. Perhubungan ufti tersebut melibatkan penghantaran utusan-utusan dari

negara-negara kota yang kecil ke China dengan membawa barangan yang dianggap sebagai persembahan dan 'tanda kesetiaan mereka kepada Maharaja China'. Barangan yang dipersembahkan kepada Maharaja China kebanyakannya merupakan sumber komoditi tempatan yang terdiri daripada barangan berharga. Antara sumber keluaran tempatan yang dijadikan barangan hantaran mungkin terdiri daripada gading gajah, sumbu badak, kayu gaharu dan kapur barus. Penghantaran ufti oleh negara-negara kota tersebut direkod dalam Sejarah-sejarah Dinasti China. Sumber penulisan terpenting yang wujud tentang zaman awal Semenanjung Tanah Melayu ialah sumber China. Bentuk-bentuk sumber yang wujud adalah Catatan-catatan Dinasti, Ensiklopedia, Catatan Pelayaran dan Catatan Topografi.

Antara Cerita-Cerita Dinasti yang wujud adalah *Chi'en Han-shu*, *Liang-Shu*, *Sung-Shu*, *Sui-Shu*, *Chiu-Shu*, *Ch'en-Shu*, dan *Hsin Tang Shu* (Wheatley 1961). Rekod-rekod ini biasanya dikompilasikan oleh pegawai-pegawai istana pada penghujung sesebuah dinasti untuk kegunaan golongan birokrasi yang kurang mementingkan keadaan geopolitik negara-negara di luar sempadan negeri China. Rekod-rekod ini sangat berguna dalam usaha melihat perkembangan kerajaan-kerajaan Melayu awal di Segenting Kra dan Semenanjung Tanah Melayu. Di samping Cerita-cerita Dinasti, maklumat tentang negara-negara kota awal di Semenanjung Tanah Melayu juga boleh diperolehi daripada ensiklopedia China. Ensiklopedia-ensiklopedia yang wujud ini merupakan kompilasi maklumat-maklumat daripada penulisan yang lebih awal. Antara ensiklopedia yang menyentuh tentang kerajaan-kerajaan awal ialah *T'ung Tien*, *Wen Hsien T'ung K'ao*, dan *T'ai Ping Yü Lan*. Sumber China yang terakhir ialah catatan topografi yang ditulis oleh pelayar-pelayar China yang melawati perairan nusantara. Contoh penulisan yang menyentuh tentang kerajaan awal Semenanjung ialah *T'ai Ping Huan Yü Chi*. Di dalam penulisan-penulisan China, gambaran diberi berdasarkan kepada pemerhatian mereka terhadap keadaan sosioekonomi dan sosiobudaya masyarakat tempatan. Pandangan-pandangan para pelayar ini tentunya bukan sahaja satu pandangan dari geledak kapal semata-mata tetapi juga memberikan gambaran lebih mendalam mengenai tempat-tempat yang disinggahi. Selain itu turut juga dinyatakan sumber-sumber komoditi perdagangan yang dihantar sebagai ufti kepada Maharaja China.

Di samping rekod sejarah, penemuan arkeologi turut menyumbangkan maklumat tentang hubungan antara China dan Semenanjung Tanah Melayu. Tinggalan arkeologi seperti tinggalan seramik, serta objek-objek perdagangan yang lain dapat memberi gambaran mengenai hubungan ekonomi yang wujud, serta keberadaan pedagang China di penempatan-penempatan pesisir Melayu sebelum kurun ke-14 Masihi.

KRONOLOGI

Fasa Pertama (Kurun Ke-5 Hingga Ke-2 Sebelum Masihi)

Fasa pertama dalam hubungan antara China dan Semenanjung Tanah Melayu melibatkan hubungan perdagangan jarak jauh pertama yang berlaku pada zaman prasejarah akhir. Bermula sekitar kurun ke-6/5 Sebelum Masehi, wujud penempatan-penempatan pesisir pantai dan pinggir sungai di Semenanjung Tanah Melayu, dengan masyarakatnya mengamalkan kebudayaan neolitik. Masyarakat-masyarakat tersebut mengamalkan kegiatan pertanian sara diri, serta menjalankan aktiviti memburu memungut yang melibatkan sumber-sumber hutan dan hasil laut. Mereka yang belum memiliki struktur berkerajaan juga kemungkinan besar telah mula menjalankan aktiviti pertukaran barangan sesama sendiri. Pada masa yang sama, telah mula perkembangan teknologi pelayaran jarak jauh, yang membawa kepada perkembangan perdagangan jarak jauh. Pada sekitar kurun ke-5 Masihi, telah wujud bukti-bukti yang menunjukkan bahawa pedagang dari India dan China telah pun sampai di Semenanjung Tanah Melayu. Antara penemuan terpenting adalah penemuan gendang-gendang Dongson di sekitar tapak-tapak prasejarah akhir seperti di Klang, Hulu Tembeling dan Besut (Linehan 1951; Lowenstein 1956). Penemuan-penemuan tersebut membuktikan bahawa telah pun wujud hubungan perdagangan antara masyarakat prasejarah akhir di Semenanjung Tanah Melayu dengan pedagang dari Selatan China dan Utara Vietnam.

Pada sekitar kurun ke-4/3 Sebelum Masihi, telah berkembang empayar Maurya dan Dinasti Han di India dan China. Kebangkitan kedua-dua kuasa ini telah membawa kepada kestabilan politik serta perkembangan kebudayaan dan kesenian

di dua buah kawasan dengan jumlah penduduk yang paling ramai pada ketika itu. Permintaan terhadap produk-produk mewah dan eksotik seperti rempah ratus dan sumber-sumber hutan meningkat dengan mendadak apabila masyarakat di India dan China menjadi semakin kaya dan kompleks. Hal ini membuka pasaran yang amat besar kepada produk-produk dari Asia Tenggara, yang seterusnya membawa kepada berkembangannya laluan pelayaran maritim yang melalui kawasan Selat Melaka dan Laut China Selatan. Perkembangan jalur pelayaran tersebut telah membawa kepada perkembangan penempatan-penempatan prasejarah akhir di pesisir Selat Melaka dan Laut China Selatan, menjadi pengkalan-pengkalan laut awal yang dilawati oleh para pedagang asing. Dengan meningkatnya permintaan terhadap produk-produk tempatan, aktiviti perdagangan di penempatan pesisir pantai tersebut menjadi lebih pesat. Hubungan dengan para pedagang asing seterusnya membawa kepada proses urbanisasi serta pertukaran budaya. Hal ini menjadi permulaan kepada peralihan penempatan-penempatan pesisir pantai tersebut menjadi bentuk kerajaan-kerajaan awal. Penyelidikan arkeologi di tapak-tapak sekitar Segenting Kra seperti Khao Sam Khaeo, Phu Khao Tong dan Khao Sek telah mendedahkan keberadaan para pedagang dan artisan dari India dan China, serta kewujudan struktur kerajaan sejak kurun ke-4 Masihi (Bellina 2018).

Perkembangan perdagangan pada fasa pertama telah membuka kawasan Kepulauan Melayu kepada dunia luar, dan menjadi permulaan kepada berlakunya hubungan dua hala antara China dan kerajaan-kerajaan di Semenanjung Tanah Melayu.

Fasa Kedua (Kurun Ke-2 Sebelum Masihi Hingga Ke-2 Masihi)

Pada fasa pertama, penempatan-penempatan pesisir pantai masih belum memiliki struktur pemerintahan yang jelas. Satu-satunya bukti yang dapat mengesahkan kewujudan hubungan perdagangan awal China dengan Semenanjung Tanah Melayu merupakan data arkeologi. Walau bagaimanapun, pada fasa pertama, masih belum ditemui sebarang bentuk rekod bertulis yang dapat mengesahkan keberadaan struktur berkerajaan di Semenanjung Tanah Melayu, mahupun bentuk hubungan dengan China yang wujud. Fasa kedua menyaksikan

kebangkitan Dinasti Han yang telah berjaya menyatukan China sebagai sebuah empayar yang berpusat. Kestabilan politik tersebut telah membolehkan kerajaan China memberi fokus kepada aktiviti perdagangan melalui jalan darat dan jalan laut. Jalan darat melibatkan laluan sutera yang menghubungkan China dengan Asia Barat melalui Asia Tengah. Jalan laut pula melibatkan laluan Laut China Selatan dan Selat Melaka yang menghubungkan China dengan India dan Asia Barat. Bagi menjaga kepentingan perdagangan China, Dinasti Han perlu menjalinkan hubungan baik dengan negara-negara kota yang terletak di sepanjang laluan perdagangan tersebut. Contohnya di laluan sutera, Dinasti Han diketahui meletakkan 33 buah negara kota di Asia Tengah di bawah perlindungannya. Atas sebab ini, Dinasti Han merupakan negara luar pertama yang memiliki rekod hubungan diplomatik dengan kerajaan di Semenanjung Tanah Melayu, iaitu pada sekitar kurun ke-2 Sebelum Masihi.

Dinasti Han yang menggantikan Dinasti Qin pada 206 Sebelum Masihi telah mula mengamalkan dasar perdagangan yang aktif dengan negara-negara di luar sempadan empayar China, terutamanya semasa zaman pemerintahan Maharaja Wen-ti pada 179 hingga 157 Sebelum Masihi (Wheatley 1961). Pada zaman tersebut laluan perdagangan yang digunakan antara China dan Timur Tengah adalah melalui jalan darat. Penguasaan Dinasti Han terhadap kawasan Canton, Tenggara China, serta penguasaan terhadap kawasan pesisir di Selatan China kemungkinan besar telah menjadi perintis kepada perkembangan kegiatan maritim China di Lautan Selatan. Berdasarkan sumber penulisan terawal, iaitu Chi'en Han Shu, telah mula wujud hubungan antara kerajaan-kerajaan di Semenanjung Tanah Melayu, iaitu kerajaan Fu-Kan-Tu-Lu dan Shen-Li Maharaja Wu-Ti dari Dinasti Han antara tahun 141 hingga 87 Sebelum Masihi. Kedua-dua kerajaan tersebut masing-masing terletak di pantai barat dan timur Segenting Kra, dan berkait rapat dengan tapak-tapak arkeologi di Khao Sam Khaeo, yang dapat dipertarikhkan dari abad ke-4 hingga pertama Sebelum Masihi. Sumber Chien Han Shu menyatakan bahawa kedua-dua kerajaan tersebut memiliki populasi yang besar, kaya dengan pelbagai komoditi mewah, serta memiliki kapal-kapal dagang mereka sendiri.

Semasa penghujung zaman pemerintahan Maharaja Wu-ti, dasar ekspansi yang diamalkan membawa kepada banyak kekacauan di dalam empayar tersebut. Masalah dalaman yang wujud seperti perang saudara dan perebutan kuasa yang berlaku secara berterusan semasa pemerintahan Maharaja Wu-Ti sehingga kejatuhan dinasti tersebut pada awal kurun ketiga Masihi menyebabkan hubungan diplomatik empayar China dengan negara luar tidak diberi perhatian. Malahan kadang kala terkesan diabaikan. Oleh sebab itulah, selain daripada gambaran yang diberikan tentang hubungan ufti Fu-Kan-Tu-Lu dengan Maharaja Wu-Ti, tidak disebut apa-apa lagi tentang hubungan antara Dinasti Han dengan Lautan Selatan.

Fasa Ketiga (Kurun Ke-2 Hingga Ke-7 Masihi)

Kerajaan-kerajaan awal di Segenting Kra dan Semenanjung Tanah Melayu terletak di kawasan lembangan sungai dan kawasan pesisir pantai. Antara lembangan-lembangan sungai dan pesisir pantai di kawasan pantai timur dan pantai barat Semenanjung Tanah Melayu dipisahkan oleh banjaran-banjaran gunung yang tinggi dan curam. Hal ini menyebabkan negara-negara kota yang wujud terpisah secara geografi dan wujud sebagai entiti-entiti politik yang berasingan dan tidak berpusat. Keadaan geografi dan persekitaran ini tentunya menggalakkan dan membenarkan kewujudan negara-negara kota yang kecil. Negara-negara kota ini kemudiannya telah berkembang secara berasingan dan membawa kepada proses pasifikasi kuasa-kuasa luar terhadap negara-negara kota di kawasan tersebut. Perkembangan ini menyebabkan, sejarah negara-negara kota di Segenting Kra dan Semenanjung Tanah Melayu dibayangi oleh kuasa-kuasa besar yang mendominasi mereka secara berterusan, terutamanya sebelum kebangkitan Kesultanan Melayu Melaka. Antara kurun ke-2 hingga kurun ke-5 masihi, kebanyakan negara kota di Segenting Kra dan Semenanjung Tanah Melayu dikuasai oleh kerajaan Funan. Oleh sebab itu, sejak penghantaran ufti ke China of kerajaan Fu-Kan-Tu-Lu dan Shen-Li pada sekitar abad ke-2 Sebelum Masihi, tidak ditemui sebarang rekod hubungan antara kerajaan-kerajaan Semenanjung Tanah Melayu dengan China. Di samping penaklukan Funan, telah berlaku ketidakstabilan politik dan perang saudara di China dari kurun ke-2 hingga ke-5 Masihi, dengan kebangkitan beberapa buah dinasti yang

berbeza. Oleh yang demikian kerajaan China tidak dapat memberi perhatian terhadap perkembangan politik luar pada ketika itu.

Walau bagaimanapun, pada sekitar kurun ke-5 Masihi, kerajaan Funan mulai merosot, dan kota-kota di Semenanjung Tanah Melayu mula membebaskan diri, membentuk kerajaan-kerajaan bebas. Dalam usaha untuk melindungi dan mengukuhkan kepentingan kerajaan masing-masing, para pemimpin setempat telah berusaha mendapatkan pengisytiharan kedaulatan daripada negara luar yang dianggap kuat ketika itu. Negara-negara kota tersebut telah menghantar ufti kepada Maharaja-Maharaja China. Pada masa yang sama, Dinasti-dinasti di China dari kurun ke-5 hingga ke-7 mahu mengukuhkan pengaruh ekonomi dan politik mereka di Alam Melayu. Kerajaan-kerajaan Semenanjung Tanah Melayu pada fasa ini telah menjalin hubungan dengan Dinasti Liu-Song [420-479M], Dinasti Chi (479-501M), Dinasti Liang (502-556M), Dinasti Chen (557-581M), Dinasti Sui (581-618M) dan Dinasti Tang (618-907M) (Lihat Jadual 1). Kerajaan-kerajaan yang berkembang di Semenanjung Tanah Melayu pada ketika ini termasuklah Pan-Pan (Selatan Thai), Langkasuka (Pattani), Tan-Tan (Besut), Chih-Tu (Hulu Kelantan atau Kedah) dan Ko-Lo-She-Fen (Muar-Kelang). Kebanyakan kerajaan-kerajaan ini cuma diketahui melalui sumber China, kecuali kerajaan Langkasuka dan Kedah Tua yang turut disebut dalam sumber India dan Arab.

**Senarai Negara Kota di Segenting Kra Dan Semenanjung Tanah Melayu Yang
Menghantar Ufti Kepada Maharaja China
Antara 424 Hingga 669 Masihi**

TAHUN [MASIHI]	KERAJAAN	DINASTI	MAHARAJA
424-53	P'an-P'an	Liu Song	Wendi
455	P'an-P'an		Xiao Wudi
457-64	P'an-P'an		
515	Lang-Ya-Hsiu	Liang	
523	Lang-Ya-Hsiu		
527	P'an-P'an		
529	P'an-P'an		
530	P'an-P'an		
530	Tan-Tan		
531	Tan-Tan		
531	Lang-Ya-Hsiu		Liang Wudi

532	P'an-P'an		
533	P'an-P'an		
534	P'an-P'an		
535	Tan-Tan		
536	P'an-P'an		
540	P'an-P'an		
551	P'an-P'an		Yu Zhang Wang
568	Lang-Ya-Hsiu		Lin Hai Wang
571	Tan-Tan	Chen	
571	P'an-P'an		Xuandi
571	Tan-Tan		
581	Tan-Tan		
584	P'an-P'an		Wendi
585	Tan-Tan		
608	Ch'ih-Tu		
609	Ch'ih-Tu	Sui	
610	Ch'ih-Tu		Yangdi
616	Tan-Tan		
616	P'an-P'an		
635	P'an-P'an		Taizong
638	Chia-cha		
662	Ko-Lo-She-Fen	Tang	
666-7	Tan-Tan		Gaozong
668-9	Tan-Tan		

Sumber: Diolah dari Paul Wheatley, *Golden Khersonese*; Wolfram Eberhard.

Walaupun banyak kerajaan Semenanjung Tanah Melayu yang direkodkan menjalinkan hubungan dengan China pada fasa ini, cuma dua kerajaan iaitu Kedah Tua dan Langkasuka diketahui memiliki tinggalan kebudayaan. Bagi kerajaan-kerajaan lain, hampir tiada tinggalan kebudayaan ditemui. Tinggalan kerajaan Kedah Tua yang dapat dipertarikhkan pada fasa ini ditemui di Lembah Bujang, terutamanya di kompleks arkeologi Sungai Batu dan Kampung Sungai Mas, yang dapat dipertarikhkan dari kurun ke-2 Masihi lagi. Telah ditemui tapak-tapak peleburan besi, tinggalan jeti serta tinggalan industri manik. Bagi kerajaan Langkasuka pula, penemuan candi dan arca Hindu-Buddha yang dapat dipertarikhkan dari kurun ke-5 Masihi ini mengesahkan keberadaan kerajaan tersebut yang memiliki hubungan dengan China. Perkembangan pada fasa ini menyaksikan meningkatnya hubungan dua hala antara China dan kerajaan-kerajaan Melayu. Kota-kota ini berperanan sebagai pelabuhan-pelabuhan yang membekalkan kapal-kapal dagang China dengan komoditi yang diperlukan, serta melindungi pedagang China dari serangan

lanun. Penghantaran ufti secara berterusan dalam masa 200 tahun menandakan kepentingan kerajaan-kerajaan tersebut kepada dasar luar China.

Fasa Keempat (Kurun Ke-7 Hingga Ke-14 Masihi)

Pada fasa ketiga, kebanyakan negara kota telah bebas akibat kemerosotan kuasa maritim Funan dan menjalinkan hubungan dengan China. Walau bagaimanapun, penghantaran ufti dari kesemua kerajaan-kerajaan di Semenanjung Tanah Melayu terhenti pada kurun ke-7 Masihi. Hal ini berkait rapat dengan perkembangan kerajaan Srivijaya sebagai sebuah kuasa talasokrasi utama di Kepulauan Melayu yang telah menakluk kesemua kota-kota pelabuhan di pesisir Selat Melaka dan Laut China Selatan (Slametmuljana 1981). Pusat kerajaan Srivijaya terletak di Palembang, dengan dasar perluasan kuasa yang agresif. Sebagai sebuah kuasa talasokrasi, kerajaan Srivijaya perlu memastikan bahawa kesemua kota-kota pelabuhan yang memiliki posisi strategik berada di bawah kawalannya. Di bawah pengaruh politik Srivijaya, kota-kota yang ditakluk, termasuklah di Semenanjung Tanah Melayu, menjadi pengkalan-pengkalan laut bagi mengekalkan monopoli pelabuhan Palembang. Dari segi hubungan luar pula, kota-kota tersebut tidak lagi bebas untuk menjalinkan hubungan ufti dengan China. Dari kurun ke-7 hingga ke-14 Masihi, Dinasti Tang dan Sung Cuma menerima secara berselang-seli ufti dari kerajaan Srivijaya dan Mataram Kuno. Kerajaan-kerajaan di Semenanjung Tanah Melayu pula tidak lagi wujud sebagai entiti politik bebas, dan terikat dengan dasar luar yang ditentukan oleh kerajaan Srivijaya. Walaupun tidak ditemui rekod penghantaran ufti dari kerajaan Semenanjung Tanah Melayu, hal ini tidak bermakna bahawa hubungan dengan China terhenti.

Penelitian arkeologi di Lembah Bujang jelas membuktikan bahawa wujud hubungan perdagangan antara Kedah Tua dan China. Kurun ke-7 hingga ke-14 Masihi menyaksikan kebangkitan Kedah Tua sebagai sebuah kuasa ekonomi dan pusat populasi di Semenanjung Tanah Melayu. Hal ini dapat dibuktikan dengan jumpaan arkeologi di Lembah Bujang, yang terdiri daripada tinggalan candi, arca dan prasasti Hindu-Buddha, tapak peleburan besi, tinggalan jeti serta kesan industri pembuatan manik (Allen 1988; Nik Hassan & Othaman 1993). Tetapi, penemuan

yang menjadi penanda ukur utama mengenai pencapaian Kedah Tua dari segi perdagangan merupakan seramik-seramik asing. Hal ini kerana, keberadaan tinggalan-tinggalan tersebut dengan sah dapat mengesahkan keberadaan para pedagang, dan aktiviti perdagangan. Kajian terhadap morfologi seramik-seramik asing dapat memberi maklumat mengenai asal usul dan pentarikhannya. Kajian ini seterusnya dapat merekonstruksi kronologi sesebuah kota perdagangan serta hubungannya dengan dunia luar. Penemuan seramik Dinasti Tang dan Sung di tapak-tapak seperti Pengkalan Bujang, Kampung Sungai Mas, Simpor Tambang dan Kampung Sireh membuktikan keberadaan pedagang China di Kedah Tua dari kurun ke-7 hingga ke-14 Masihi (Jane 1988). Pada ketika ini, Kedah Tua berfungsi sebagai salah sebuah pelabuhan di bawah kawalan kerajaan Srivijaya, manakala penghantaran ufti cuma dibuat oleh pemerintah Srivijaya.

Jumlah seramik perdagangan yang amat banyak tersebut mencerminkan kepentingan Kedah Tua kepada perdagangan China selama tujuh abad, walaupun hubungan ufti cuma wujud secara tidak langsung melalui Srivijaya.

KESIMPULAN

Semenanjung Tanah Melayu memiliki lokasi geostrategik yang terletak dipertengahan laluan perdagangan antara India dan China. Kesibukan laluan pelayaran maritim Selat Melaka dan Laut China Selatan menyebabkan kawasan ini secara berterusan didatangi pedagang asing, yang membawa kepada perkembangan ekonomi dan urbanisasi di Semenanjung Tanah Melayu. Hubungan ufti antara China dan negara-negara kota di Asia Tenggara umumnya dan di Semenanjung Tanah Melayu khususnya melibatkan pengakuan negara-negara kota tersebut terhadap konsep 'ketuanan' atau 'supremacy' maharaja-maharaja China. Namun demikian hubungan tersebut sebenarnya saling menguntungkan kedua-dua belah pihak, sama ada dari segi pengaruh politik ataupun ekonomi. Melalui penghantaran ufti ini kerajaan China sebenarnya menerima pelbagai bentuk kelebihan baik dari segi pengaruh politik mahupun sumber ekonomi. Dari sudut pandang China, melalui aspek politik, ufti-ufti yang dihantar oleh negara-negara yang datang dari jauh dapat meningkatkan 'te', atau kuasa moral para maharaja

China. Hal ini sekurang-kurangnya dapat mengukuhkan lagi kedudukan mereka memandangkan kedatangan utusan-utusan yang membawa ufti melambangkan martabat maharaja China. Hal ini akan meningkatkan pengaruh maharaja terhadap rakyatnya. Berdasarkan kepada lokasi kota-kota pelabuhan yang dapat dihubungi ke kawasan pedalaman yang kaya dengan sumber hutan, kota-kota pelabuhan tersebut berkepentingan sebagai pusat-pusat pengumpulan pelbagai komoditi seperti bahan wangian, rempah ratus, gading gajah, sumbu badak, emas, pinang, madu lebah, damar dan rotan.

Oleh yang demikian, hubungan ufti dengan negara-negara kota tersebut akan membawa kepada monopoli perdagangan yang amat menguntungkan. Di samping itu, hubungan politik dengan negara-negara kota tersebut membolehkan kerajaan China memastikan keselamatan para pedagang mereka dijamin oleh pemerintah-pemerintah tempatan di mana mereka berdagang. Tujuan utama negara-negara kota di Asia Tenggara menjalin hubungan ufti dengan China adalah untuk mengekalkan kedaulatan dan mengukuhkan kuasa politik mereka. Diketahui bahawa negara-negara kota yang wujud terpisah secara geografi dan wujud sebagai entiti-entiti politik yang berasingan dan tidak berpusat. Hal ini ditambah lagi dengan hakikat bahawa populasi penduduk di negara-negara kota di Semenanjung Tanah Melayu adalah amat kecil. Kemakmuran kota-kota pelabuhan tersebut pula sangat bergantung kepada faktor persekitaran ekonomi serantau yang melibatkan perubahan dasar perdagangan, laluan perdagangan yang digunakan, serta pasang surut permintaan terhadap sesuatu komoditi. Oleh itu, para penyelidikan menyatakan satu bentuk 'perlindungan' dari sebuah kuasa besar seperti China pada masa itu adalah amat perlu untuk mengekalkan kedaulatan dan kestabilan politik mereka. China yang pada masa itu merupakan sebuah kuasa yang besar di Asia diyakini mampu menjadi penabung utama kepada kerajaan-kerajaan kecil di Asia Tenggara.

Fasa pertama hingga fasa keempat memperlihatkan keberlangsungan hubungan politik dan perdagangan antara China dengan Semenanjung Tanah Melayu selama lebih 1000 tahun. Kewujudan interaksi tersebut adalah berasaskan kepada kepentingan bersama, terutamanya dari segi perdagangan dan keselamatan

serantau. Selepas kejatuhan Srivijaya, hubungan ufti disambung oleh Kesultanan Melayu Melaka, apabila Dinasti Ming menjadi pelindung utama kepada kerajaan Melayu tersebut.

BIBLIOGRAFI

- Allen, J. S. (1988). "Trade Transportation and Tributaries: Exchange, Agriculture, and Settlement Distribution in Early Historic Period Kedah, Malaysia", Tesis Kedoktoran, Hawaii: University of Hawaii.
- Bellina, B. 2018. "Development of Maritime Trade Polities and diffusion of the "South China Sea Sphere of Interaction pan-regional culture": The Khao Sek Excavations and Industries studies Contribution. *Archaeological Research in Asia*, 13: 1-12.
- Coedes, G. dan Damais, C. L. (1992). *Srivijaya: history religion and language of an early malay polity*, Monograf of Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society no.20, Kuala Lumpur.
- Coedes, G. (1968). *The Indianized States of Southeast Asia*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Eberhard, W. (1977). *History of China*, London: Routledge and K. Paul.
- Elvin, M. (1973). *The Pattern Of Chinese Past: A Social and Economic Interpretation*, Stanford: Stanford University Press.
- Fitzgerald, C. P. (1961). *China: A Short Cultural History*, London: The Cresset Press.
- I-Tsing diterjemahkan oleh J. Takakusu. (1966). *A Record of the Buddhist Religion as practiced in India and the Malay Archipelago (A.D. 671-695)*, Delhi: Munshiram Manoharlal.
- Lamb, A. (1961). "Miscellaneous Papers on Early Hindu and Buddhist Settlement in Northern Malaya and Southern Thailand" dalam *Federated Museums Journal*, VI.
- Leong, Sau Heng. (1993). "Ancient Trading Centres in the Malay Peninsula" dalam *Jurnal Arkeologi Malaysia*, 6, hlm. 1-9.
- Leong, Sau Heng. (1990). "Collecting Centres, Feeder Points, and Entrepots in the Malay Peninsula, 1000BC-A.D 1400" dalam J. Kathirithamby-Wells dan J. Villiers (Ed), *The Southeast Asian Port and Polity. Rise and Demise*, Singapore: Singapore University Press, hlm. 17-38.

- Linehan, W. (1951). Traces of the Bronze Age Culture Associated with Iron Age in the regions of Klang and the Tembeling. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, XXVI(3): 1-59
- Low, J. (1849). On an Inscription from Keddah. *Journal of Asiatic Society of Bengal*. XVIII(1): 247
- Lowenstein, P. J. (1956). The Origin of the Malayan Metal Age. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, XXIX(2), 174: 5-78
- Nasha Rodziadi Khaw dan Nazarudin Zainun. (2008). "Hubungan Ufti SrivijayaSuvarnabhumi dan Mataram dengan China: Satu Cerminan Politik dan Sosioekonomi Dunia Timur", *Jurnal Ilmu Kemanusiaan*.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman dan Othman Mohd Yatim. (1992). *Warisan Lembah Bujang*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Paludan, A. (1998). *Chronicle of the Chinese Emperors*, London: Thames and Hudson.
- Quaritch-Wales, H. G. (1940). "Archaeological Research on Ancient Indian Colonization in Malaya", *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Studies*, XVIII, 1.
- Slametmuljana. (1981). *Kuntala, Sriwijaya dan Suvarnabhumi*, Jakarta: Yayasan Idayu.
- Slametmuljana. (1968). *Sriwidjaja, Flores N.T.T: Pertjetakan Arnoldus Ende*.
- Wheatley, P. (1961). *The Golden Khersonese*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Wolters, O. W. (1979) "Studying Srivijaya", *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. 52 Part 1, hlm. 1-30.
- Zuliskandar bin Ramli, Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, Adnan Jusoh dan Yunus Sauman. (29 Disember 2010). "Perkembangan teknologi pembinaan candi di Lembah Bujang dan pentarikannya", *Prosiding Seminar Antarabangsa Sains dan Budaya Materal ke arah Kronologi Terpimpin dalam Penyelidikan Arkeologi 2010*, Bilik Senat dan Bilik Majlis Bangunan Canselori Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi